

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING : SATU TINJAUAN

SKI 400

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1995

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING: SATU TINJAUAN

SKA 400
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG

1995

ADAT PERPATIH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT
MELAYU DI AIR KUNING: SATU TINJAUAN

Oleh:

ABDULL SAMAT BIN OTHMAN	30433
AKUB BIN PEHEN	30379
MOHD GHAZALI BIN HJ. TALIF	30651

SKA 400
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG

1995

INFORMAN UTAMA

BIODATA

Nama: Dato' Rahmat bin Jonet

No. Kad Pengenalan: 3394482

Gelaran: Dato' Orang Kaya Setiawan

Umur: 86 Tahun

Suku: Biduanda

Perkerjaan: Kerja Kampung

Isteri: Saodah bte Yasin



Pendidikan: Darjah 5 (1929)



INFORMAN BERSAMA ISTERI



INFORMAN BERSAMA PENYELIDIK



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI

Segala puji hanya bagi Allah. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur kami ke hadrat Illahi kerana dengan izin - Nya dapat kami menyempurnakan tugas ini.

Kami mengambil kesempatan ini ingin merakamkan setinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih kepada Encik Norhalim Hj Ibrahim selaku pensyarah SKA:400 SEMINAR MASALAH - MASALAH KELUARGA DI MALAYSIA, kerana di atas kesabaran dan dedikasi beliau yang telah memberi tunjuk ajar yang bermakna dan berkongsi pengetahuan dalam menyiapkan kerta kerja ini.

Ucapan teriam kasih juga, kami tujukan kepada yang terlibat dengan memberi ide dan pandangan tentang Adat Perpatih di Air Kuning terutamanya:

- a. Encik Ismail Jantan, Penghulu Mukim Air Kuning.
- b. Encik Yaakub Awang (Datok Raja Senara), Ketua Kampung Air Kuning (Selatan).
- c. Encik Rahmat Jonet, Penghulu Adat Perpatih, Air Kuning (Selatan).
- d. Encik Hussin dan Halimah, Kg Senaling, Kuala Pilah.
(kerana dengan bermurah hati mengizinkan kami merakamkan gambar - gambar perkahwinan anak perempuan mereka).

Akhirnya, terima kasih turut diajukan kepada semua pihak yang terlibat dengan memberi sumbangan kepada kami, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala jasa dan budi baik dan kerjasama semua yang terbabit, hanya Allah juga yang akan membalasnya, Insya' Allah.

Sekian, terima kasih.

Daripada kami,

Abdull Samat Bin Othman 30433

Akub Bin Pehen 30379

Mohd Ghazali Bin Hj Talip 30651

DAFTAR KANDUNGAN

Halaman

PENGHARHAAAN	i
1.0 PENDAHULUAN	I
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Batasan Kajian	4
1.4 Kaedah Kajian	5
1.5 Definisi Konsep	5
2.0 ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN: Sepintas Lalu	9
2.1 Latar Belakang	9
2.2 Konsep dan Ideologi Adat Perpatih	10
2.3 Kategori Adat	12
2.4 Adat dan Agama	16
2.5 Adat dan Undang-undang	17
2.6 Adat dan Istiadat	18
2.7 Adat dan Bayaran	19
3.0 PRINSIP-PRINSIP ADAT	20
3.1 Susunan Masyarakat	21
3.2 Prinsip Politik	27
3.3 Undang-undang	31
3.4 Ekonomi dan Pengagihan Sumber	33

4.0	MUKIM AIR KUNING	35
4.1	Sejarah Pembukaan dan Adat di Air Kuning	36
4.2	Struktur Pentadbiran Adat di Air Kuning	37
4.3	Adat dan Amalan	40
4.4	Adat Perkahwinan	47
4.5	Upacara Akad Nikah	50
4.6	Upacara Pengandaman	51
4.7	Upacara Persandingan	53
4.8	Adat Menemandi	60
4.9	Adat Menyalang	61
4.10	Adat Potong Jambul	61
4.11	Adat Melenggang Perut	62
4.12	Terkurung Lari Kahwin Menyerah	63
4.13	Perceraian	64
4.14	Pewaris Harta	64
5.0	KESIMPULAN	67

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Setiap masyarakat daripada pelbagai bangsa di dunia ini mempunyai adatnya tersendiri. Terdapat perbezaan adat di antara satu dengan yang lain kerana adat tersebut dicipta mengikut pengalaman dan pandangan yang berbeza antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Adat juga mempunyai peraturan dan ikatannya berkait rapat dengan sistem nilai yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat itu. Sistem nilai itu lahir daripada suatu konsep yang wujud dalam pemikiran sesuatu masyarakat. Konsep nilai itu tercipta pula suatu peraturan seperti adat dalam masyarakat. Melayu yang bertujuan untuk mengawal perlakuan anggota masyarakat untuk mewujudkan keharmonian dan menjamin kesejahteraan dalam amalan kehidupan.

Umumnya masyarakat Melayu mempunyai dan mengamalkan dua sistem adat, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Temenggung diamalkan oleh masyarakat Melayu meliputi sebilangan besar di negara ini. Adat perpatih pula, diamalkan masyarakat di Negeri Sembilan dan di utara Melaka. Adat Temenggung dan Adat Perpatih ini terdapat perbezaannya. Adat Temenggung yang mengamalkan adat yang berbentuk partilineal iaitu susurgalur kekeluargaan adalah melalui nasab bapa dan pembahagian hartanya pula mengikut sistem faraid. Adat Perpatih yang terkenal di Negeri Sembilan

berbentuk martrilineal atau sistem nasab ibu atau menyusurgalurkan keturunan dan juga pembahagian harta pusaka melalui nasab ibu.

Adat perpatih ini memang terdapat perbezaan dengan adat Temenggung. Amalan dan peraturan Adat Perpatih adalah suatu sistem sosial yang agak kompleks dan mempunyai konsep dan ideologi yang disedari dengan jelas oleh penganut - penganutnya, mempunyai suatu pandangan dunia atau tasawur yang menjadi pemandu dalam persepsi dan pemilihan pengamalannya. Adat Perpatih juga, melalui interaksi dialektual antara nilai - nilai berkenaan dengan perhubungan ekonomi, sosial dan politik yang dialami secara nyata oleh masyarakatnya dalam kehidupan sehari - hari.

Pada peringkat struktural, adat ini berkisar atas sesuatu susunan dalam perkembangan dan proses - proses sosial dan ekonomi yang menjadi ciri kepada kebanyakan masyarakat ibu. Ciri - ciri ini termasuklah dalam kelompok -kelompok keturunan yang mempunyai nama tertentu, penempatan martrilokal selepas berkahwin dan justeru itu bentuk susunan kehidupan seharian dalam rumah tangga dan keluarga luas, memiliki harta (tanah), ladang / dusun, tanah sawah dan tanah kawasan rumah atas dasar kepunyaan bersama kelompok kekeluargaan dengan hak ompokan daripada ibu kepada anak perempuan, koperasi, ekonomi, sosial secara obligobi di kalangan ahli -ahli kelompokan kekeluargaannya yang lebih

besar melibatkan tenaga kerja, sumber - sumber dan tanggungjawab terhadap anak - anak dan sebagainya. Pengagihan kuasa politik pula berdasarkan hieraki kekuasaan sosial yang diterima.

Adat perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan merupakan amalan tradisi dan diperturunkan kepada generasi sekarang dalam proses sosialisasi. Secara tradisi juga dalam menentukan nilai - nilai dan moral masyarakat yang mengamalkan adat perpatih. Akibat arus pembangunan, adat ini turut mengalami sedikit perubahan dan kelonggaran dalam pengamalannya terutama generasi muda di Negeri Sembilan.

Dalam tugas ini, satu tinjauan tentang adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Mukim Air Kuning, Tampin, Negeri Sembilan. Kajian ini akan melihat amalan - amalan adat perpatih yang masih dipraktikkan oleh penduduk di mukim berkenaan.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk:

- a) Mengkaji sejauhmanakah orang awam faham adat perpatih.
- b) Mengenalpasti amalan adat perpatih dalam bidang masyarakat, politik dan ekonomi yang masih diamalkan di Mukim Air Kuning.
- c) Memupuk dan merancang penerapan adat perpatih melalui pendidikan.

1.3 Batasan Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada adat perpatih dan adat istiadat yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu di Mukim Air Kuning. Antara bidang - bidang batasan kajian ialah:

- a) Adat perpatih yang berkaitan dalam bidang politik seperti peranan, dan perlantikan pemimpin adat dan suku - suku.
- b) Adat perpatih dalam bidang sosial dan budaya seperti pertunangan, perkahwinan, perceraian dan sebagainya.
- c) Adat perpatih dalam bidang ekonomi seperti tanah pusaka atau tanah adat dan lain - lain yang berkaitan.

1.4 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang sesuai antaranya kaedah - kaedah tersebut adalah kaedah kepustakaan iaitu dengan merujuk buku - buku, majalah - majalah, jurnal, kerta kerja, latihan ilmiah, kertas seminar, surat khabar dan artikel yang berkaitan. Kaedah lain ialah kaedah temuduga atau temubual dengan informan yang mahir tentang adat perpatih di Mukim Air Kuning. Informan - informan tersebut adalah Penghulu, Penghulu Adat, dan Ketua Kampung di Mukim Air Kuning.

1.5 Definisi Konsep

1.5.1 Adat

Abdul Samad Idris (1994: 42) mentakrifkan adat adalah satu - satu amalan yang ghalib atau biasa dilakukan oleh satu satu kelompok masyarakat dalam mengaturcara hidupnya sehari hari. Menurut Zainal Kling (1984: 3) adat adalah sebagai sesuatu konsep berbentuk tanggapan asasi dan sendi dalam semua masyarakat rumpun Melayu di seluruh alam Melayu. Tambah beliau lagi, adat adalah tanggapan tentang kebudayaan bagi setiap kelompok masyarakat. Dr. Norazit Selat (1995 : 27) mendefinisikan adat adalah merupakan satu bentuk

tangkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga ia dianggap sebagai satu tradisi.

Keseluruhannya, adat adalah amalan kebiasaan yang diperolehi secara tradisi dalam seluruh aspek kehidupan sebagai panduan hidup yang dipersetujuan bersama dan diamalkan oleh satu - satu kelompok masyarakat. Dalam konteks ini adat yang diberi tumpuan adalah adat perpatih dan amalan adat istiadatnya yang masih di kalangan masyarakat di Mukim Air Kuning.

1.5.2 Masyarakat

Umumnya, masyarakat adalah terdiri daripada individu dalam satu kelompok manusia yang terdiri daripada pelabagai peringkat umur dan jantina dan tinggal dalam sesuatu kawasan tertentu. Menurut Lucy Mair (1965), masyarakat adalah satu gagasan yang merangkumi manusia yang berinteraksi sesama sendiri secara kolektif malah hak dan obligasi yang saling mengikhtiraf.

Beals, R.L dan Hoijer. H (1972) menyatakan bahawa masyarakat adalah seperti organisma yang dibina berdasarkan saling bergantung. Semua infrastruktur, bekerjasama untuk mengekalkan keseluruhan dan fungsi institusi yang terdapat dalam masyarakat. Bagi Atan Long (1982), satu - satu

masyarakat itu terdiri daripada individu yang telah hidup dengan saling bertindak semenjak beberapa lama dengan mempunyai kebudayaan yang merupakan keseluruhan cara hidup yang meliputi kepercayaan, agama, sikap, pandangan hidup, aspirasi, nilai dan ilmu pengetahuan yang telah diwarisi semenjak turun temurun sehingga menjadi kumpulan masyarakat itu mempunyai sifat yang tersendiri berlainan dengan masyarakat lain.

1.5.3 Masyarakat Melayu

Werbdly (1962) menyatakan bahawa Melayu berasal daripada perkataan ' Melaju '. Perkataan ini berasal daripada kata dasar ' laju ' yang bermakna cepat, deras dan tangkas yang membawa pengertian bahawa orang Melayu itu bersifat tangkas dan cerdas, segala tindak tanduk mereka cepat dan deras, (Ismail Hamid 1988: 1). Menurut Syed Hussin Ali (1979 : 1 -3), orang Melayu itu dari segi lahiriah, lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar serta tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa.

Aris Osman (1983 : 7 - 8) pengertian Melayu itu boleh disempitkan dan diperluaskan. Pengertian Melayu yang disempitkan ialah orang Melayu yang didasarkan kepada daerah atau negeri seperti orang Melayu Johor, orang Melayu Kedah dan seterusnya. Kategori Melayu yang luas pula apabila

dimasukkan ke dalam definisi seperti beberapa suku Indonesia, orang Melayu Keturunan Arab (DKA) dan orang Melayu Keturunan Keling (DKK) dan lain bangsa yang memeluk agama Islam bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat orang Melayu.

Kesimpulannya, masyarakat Melayu adalah seseorang itu merupakan sesiapa sahaja asalkan dia menganut agama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat orang Melayu. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu yang dijadikan tumpuan kajian adalah masyarakat Melayu di Mukim Air Kuning, Daerah Tampin, Negeri Sembilan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Samad Idris (1968) Negeri Sembilan Dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman
- Abdul Samad Idris, Tan Sri (1990) Payung Terkembang. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Abdul Samad Idris, Tan Sri (1994) SECEBIS MENGENAI ADAT PERPATIH, NILAI DAN FALSAFAHNYA. Seminar Adat Dan Pelancaran Buku Adat Perpatih. Di Alson, Klana Jaya. Port Dickson.
- Abdul Tahman Hj Mohammad (1964) Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Aris Osman (1983) The Dynamics of Malay Identity. Monograph. Fakulti Sains Masyarakat dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atan Long, Prof. (192). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Beals, R. L. dan Harry Hoijer (1972) An Introduction to Anthropology. New York: Collier Macmillan Limited.
- Buyong Adil (1981) Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Hamid (1988) Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamaruddin Hj Kacar (1984) Penerapan Adat Melalui Pendidikan: Satu Kajian Menerusi Pendekatan Modular. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Lucy Mair (1965) Antroduction to Social Antropology. London: Oxford University Press.
- Mohd Yusof Md Nor (1984) Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mohd Zain Hj Hamzah dan Mohd Zain Hj Bahari (1984) Adat Perpatih Selepas 1990 (Dari segi Politik dan Ekonomi). Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor

Noraziz Selat (1995) Adat: Antara tradisi dan moden.
Utusan Malaysia. Kuala Lumpur : Utusan Melayu.

Nordin Selat (1995) Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sd. Bhd.

Norhalim Hj Ibrahim (1993) Adat Perpatih Perbezaan Dan Persamaannya Dengan Adat Termengung. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Norhalim Hj Ibrahim (1994) Sistem Adat Perpatih Di Negeri Sembilan. Seminar Adat dan Pelancaran Buku Adat Perpatih. Di Alson Klana Jaya, Port Dickson. Negeri Sembilan.

Rahim Syam dan Norhale (1985). Mendekati Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

S. Hussin Ali (1979) Orang Melayu: Masalah Dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.

Webbly, R. (1963) The Malays Cultural. London. Routledge and Kegan.


Zainal Kling (1984) Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Seminar Adat dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Selangor.

LAMPIRAN

PETA DAERAH TAMPIN

SKALA : 1 : 200

JEMPOL




KUALA PILAH

REMBAU

JOHOR

MELAKA



BEND-11
 UK JABERAN
 BAHAN PT
 001H 0001 000 1-10.1990.2010

	1991-11 Expected											
	1-11 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL	1991 % BAIL
JUMILAH	1970-90	JUMILAH	1980-90	JUMILAH	Growth	Growth	1990	1990	1990	1990	1990	1990
Kuning	7,011	7%	8,379	-21%	6,632	-5,08%	1,99%	1,07%	1,07%	1,07%	1,07%	1,07%
	13,956	24%	17,343	59%	27,529	8,67%	4,00%	16,524	29,77%	16,86%	3	1,07%
	14,248	81%	17,140	11%	14,063	1,11%	1,00%	14,096	15,75%	16,14%	1,07%	1,07%
	91%	71%	71%	-11%	84%	-1,11%	1,00%	81%	1,07%	1,07%	1,07%	1,07%
	1,33%	2%	1,97%	-10%	1,792	-0,90%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%
Tengah		27%	11,04%	44%	11,917	4,43%	1,00%	11,11%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%
	61	54%	161	76%	1,773	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%	1,00%
Dara	0	55%	7%	-100%	0	-10,00%	0,00%	0	0	0	0	0

HPIN	40,150	19%	57,557	26%	72,494	1,61%	1,05%	74,11	1,05%	74,11	0	1,05%
------	--------	-----	--------	-----	--------	-------	-------	-------	-------	-------	---	-------

	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990
JUMILAH	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990
Kuning	7,011	7,110	7,160	7,251	7,326	7,39%	7,471	7,548	7,621	7,699	7,771	7,854
	13,956	16,126	17,571	19,182	20,750	12,38%	22,380	24,071	25,836	27,671	29,571	31,541
	21,219	21,651	21,990	22,386	22,780	23,19%	23,616	24,041	24,471	24,916	25,361	25,816
	917	930	943	956	970	983	997	1,011	1,025	1,040	1,055	1,069
	1,937	1,964	1,992	2,020	2,048	2,076	2,104	2,132	2,160	2,188	2,216	2,244
Tengah	17,704	18,414	19,149	19,910	20,699	21,516	22,363	23,241	24,149	25,090	26,061	27,071
	771	789	800	813	826	839	852	865	878	891	904	917
Dara	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

HPIN	86,42%	89,61%	91,731	94,521	97,467	100,393	103,480	106,611	109,791	112,941	116,111	119,311
------	--------	--------	--------	--------	--------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------

	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990
JUMILAH	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990	1990
Kuning	7,933	8,012	8,092	8,173	8,255	8,336	8,421	8,501	8,581	8,661	8,741	8,821
	55,709	57,999	60,319	62,733	65,241	67,851	70,461	73,071	75,681	78,291	80,901	83,511
	26,284	26,757	27,229	27,729	28,229	28,730	29,234	29,734	30,234	30,734	31,234	31,734
	1,004	1,039	1,118	1,130	1,148	1,162	1,178	1,193	1,207	1,223	1,238	1,254
	2,289	2,321	2,353	2,386	2,420	2,453	2,486	2,520	2,554	2,588	2,621	2,654
Tengah	30,122	31,206	32,330	33,494	34,699	35,949	37,249	38,586	39,977	41,411	42,890	44,411
	936	953	968	984	1,000	1,016	1,032	1,048	1,064	1,080	1,096	1,112
Dara	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

HPIN	124,419	128,348	132,417	136,629	140,990	145,511	150,191	155,021	159,907	164,836	169,811	174,831
------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------	---------



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefeks: 03-9482507

UPM/FEM-8.24

30 NOVEMBER 1994

PEGAWAI DAERAH TAMPIN,
PEJABAT DAERAH TAMPIN,
TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHAUSUS.

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

ADAT DAN HUBUNGAN DALAM MASYARAKAT
TAJUK PENYELIDIKAN:
MELAYU: SATU TINJAUAN DI BUKIT AIR KUNING, TAMPIN.
.....

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa AKUS PERHE, AB. SABAT OTHMAN,
DAN MOHD GHAZALI HJ. TALIB. adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program SAC. PENDIDIKAN (PBMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduat pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Yang benar,

h/p

DR. MAZIAH BABA

(PROF. MADYA DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar),
Fakulti Ekologi Manusia

Penasihat Persekitaran Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penyelia projek/Penyelaras kursus: EN. NORVALIM HJ. IBRAHIM
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti PENGAJIAN PENDIDIKAN



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefaks: 03-9482507

UPM/FEM-8.24
30 NOVEMBER 1994

PENGANTU.....
MUKIM AIR KUNING.....
TAMPIN.....
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.....

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

TAJUK PENYELIDIKAN: ADAT DAN MUSULMANNYA DALAM MASYARAKAT...
MELAYU: SATU TINJAUAN DI MUKIM AIR KUNING, TAMPIN.....

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa AB. SAMAT OMAR ALI AKIB PAKEN,
DAN MOHD GHAFALI HJ. TALIB adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program BAG. PENDIDIKAN (PMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduat pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Yang benar,

b.f.p

Handwritten signature of Dr. Maznan Baba

DR. MAZKAN BABA

Sebagai

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

(PROF. MADYA DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar)
Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penyelia projek/Penyelaras kursus: EN. NORHAJIL HJ. IBRAHIM
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti PENGAJARAN PENDIDIKAN



Fakulti Ekologi Manusia
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: 9486101-9486110 Kawat: UNIPERTAMA Sungai Besi. Teleks: UNIPER MA37454 Telefeks: 03-9482507

tuan:

kami:

kh:

UPM/FEM-8.24

30 NOVEMBER 1994

KETUA KAMPUNG,

MUKIM AIR KUNING,

TAMPIN,

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
UNTUK PENULISAN ILMIAH**

TAJUK PENYELIDIKAN: ADAT DAN KEBUNGAMNYA DALAM MASYARAKAT

MELAYU: SATU TINJAUAN DI MUKIM AIR KUNING, TAMPIN.

Dengan segala hormatnya diperakui bahawa MOHD. GHASALI HJ. TALIB,
AB SAKAT OSMAN DAN AKIB PEHEM adalah pelajar/pelajar-pelajar
dalam program BAC. PENDIDIKAN (PMP - 08) yang mengikuti kursus
SKA 400 di Fakulti ini. Sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat bergraduasi pelajar ini dikehendaki menyediakan satu penulisan
ilmiah seperti yang dinyatakan di atas.

Maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati melalui
penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi tuan/puan. Oleh itu Fakulti ini sangat
berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam
menjayakan projek pelajar kami ini dengan memberi keizinan serta bantuan
sewajarnya ketika ia membuat penyelidikan/lawatan/tinjauan di institusi
tuan/puan.

Sekian, dan di atas segala kerjasama yang tuan/puan berikan saya dahului
dengan ucapan berbilang terima kasih.

Yang benar,

DR. HAZWAN BABA

(PROF. MADYA DR. ZAITUN YASSIN)

Timbalan Dekan (Akademik & Pembangunan Pelajar)
Fakulti Ekologi Manusia

Anggota Pengerusi Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia

s.k. - Penyesuaian projek/penyelarasan kursus: EN NORHALEH HJ. IBRAHIM
- Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti PENGASIAN PENDIDIKAN